

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
DI MAJLIS PERASMIAN UNIT SATELITE HAEMODIALISIS
DI HOSPITAL SIK, KEDAH
PADA HARI ISNIN, 19 JULAI 1999
JAM 10.30 PAGI**

Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak BIDARA kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Unit Satelite Haemodialisis Hospital Sik.

2. Tidak ketinggalan saya bersama pihak Bidara merakamkan ribuan terima kasih kepada semua para penderma yang budiman kerana daripada sumbangan ikhlas merekalah projek Bidara untuk menubuhkan pusat rangkaian rawatan haemodialisis dalam Negri Kedah tercapai. Sekali lagi kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada para penderma yang budiman.

3. Projek Haemodialisis bidara tidak akan sempurna sekiranya tiada penglibatan dan kerjasama dari Jabatan Perubatan Negeri Kedah dan juga Jabatan Nefrology Hospital Kuala Lumpur. Pihak Bidara mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Kementerian Kesihatan atas sumbangan kerja-kerjapembinaan bangunan dan memberi latihan kepada setaf dialisis untuk menjayakan projek ini.

4. Sempena hari penderma, saya menyeru orang ramai supaya menderma buah pinggang kerana pemindahan buah pinggang adalah rawatan yang paling baik untuk mengubati mereka yang mengidap penyakit lemah buah pinggang.

5. Dengan tertubuhnya projek Bidara ini Kerajaan Negeri Kedah harus berbangga kerana ia merupakan Negeri yang terulung di Malaysia mempunyai rangkaian unit haemodialisis yang meliputi seluruh Hospital pendalaman dan perkhidmatannya boleh dinikmati oleh seluruh rakyat di luar bandar.

6. Penubuhan Unit Satelite Haemodialisis di beberapa hospital daerah dilakukan atas beberapa sebab seperti berikut:

- a) Peralihan Perkhidmatan (devolution of services) - perkhidmatan haemodialisis di pusat dialihkan ke daerah-daerah;
- b) Keseimbangan dan kemudahan laluan perkhidmatan (equity and accessibility services) - untuk pesakit-pesakit yang seiring dengan matlamat Kementerian Kesihatan;
- c) Perkhidmatan yang berorientasi pesakit/pelanggan (patient centred/orientated) - memenuhi kehendak istimewa pesakit dan komuniti dan agihan perkhidmatan yang sama rata;

- d) Jaringan perkhidmatan (networking of services) - mengurangkan beban kerja di hospital pusat dan juga rangkaian penggunaan 'consumables';
- e) Menumpukan kepada isu-isu kepuasan pelanggan (patient satisfaction);
- f) Mewujudkan elemen-elemen primer di dalam hospital (primary care element in hospital) dan juga perkhidmatan ambulatori (hospital ambulatory care) di hospital-hospital daerah:
- g) Perkhidmatan yang berkesan dan sewajarnya;
- h) Kerjasama antara sektor-sektor (intersectoral coordination).

7. Adalah diharapkan dengan penubuhan Unit Satelite Haemodialisis beberapa objektif berikut dapat dicapai:-

- a) Untuk memberi perkhidmatan rawatan haemodialisis bagi pesakit tempatan yang berdekatan dengan rumah mereka;
- b) Mengurangkan masa menunggu bagi pesakit;
- c) Memperbanyakkan kemudahan rawatan dan membolehkan lebih ramai pesakit mendapat perkhidmatan;
- d) Mengurangkan risiko kemalangan.

8. Dengan tertubuhnya projek penubuhan rangkaian pusat haemodialisis atau 'networking of haemodialisis services', perkhidmatan kesihatan yang kemas dapat diberikan kepada penduduk-penduduk di Negeri Kedah di dalam konteks 'accessibility of services', 'equity of services' dan 'patient care orientated'. Ini juga adalah ke arah rawatan primer (primary care services) yang akan memberi banyak kemudahan dan faedah kepada penduduk di Negeri Kedah ini.

9. Akhir kata saya menjemput semua ahli pertubuhan, para penderma dan juga syarikat-syarikat tampil ke hadapan untuk memberi sumbangan kepada Unit-unit Satelite Haemodialisis di dalam Negeri Kedah.

10. Sekianlah sahaja. Dengan Nama Allah yang Maha Besar saya merasmikan pembukaan Unit Satelite Haemodialisis Hospital Sik.